



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN


## POLISI ANTIRASUAH

### KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertekad memerangi rasuah dalam semua aktiviti dan operasi berasaskan prinsip integriti dan akauntabiliti. **KPKT akan bertindak tegas dan tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa bentuk rasuah.** Bagi merealisasikan polisi ini, KPKT komited melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Melarang warga KPKT dan mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk KPKT atau bagi pihaknya daripada terlibat dalam sebarang bentuk salah laku rasuah sepertimana termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) seperti berikut:
  - i. Meminta atau menerima rasuah [Seksyen 16 & 17(a)];
  - ii. Menawar atau memberi suapan [Seksyen 17(b)];
  - iii. Mengemukakan tuntutan palsu (Seksyen 18);
  - iv. Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan oleh pegawai badan awam (Seksyen 23);
  - v. Melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan atau perubahatan atau terlibat dalam komplot jenayah; dan
  - vi. Menerima benda yang berharga dengan tiada balasan daripada orang yang ada kena-mengena dalam urusan yang dijalankan oleh warga KPKT (Seksyen 165).
2. Beriltizam mengekalkan standard integriti yang paling tinggi termasuk mencegah perlakuan yang berunsur dan berpotensi rasuah serta tidak beretika dalam pelaksanaan aktiviti dan operasi kementerian.

3. Melaksanakan kawalan dalaman dengan menggunakan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS).
4. Pengurusan Tertinggi KPKT komited:
  - i. Memastikan pelaksanaan ABMS di KPKT dilaksanakan secara berkesan; dan
  - ii. Membuat pemantauan serta semakan semula ABMS KPKT bagi tujuan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan.
5. Mewajibkan warga KPKT mematuhi undang-undang, peraturan, pekeliling, arahan serta polisi berkaitan antirasuah dan pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan punitif dikenakan kepada mereka yang terlibat.
6. Mengalakkan warga KPKT atau orang awam membuat aduan dan mendedahkan apa-apa kelakuan rasuah di KPKT melalui saluran aduan integriti KPKT dan berhubung dengan Pegawai Integriti melalui surat, emel, telefon atau hadir sendiri ke Unit Integriti. Adalah diingatkan bahawa kegagalan melaporkan transaksi rasuah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
7. Mewujudkan Unit Integriti yang bebas daripada campur tangan atau pengaruh mana-mana pihak berkepentingan dalam pelaksanaan tugas dan fungsinya.



**DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh: 11 Oktober 2024